



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT SULIT 60.1 PT 1 / (32)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

9 September 2026
27 Rabiulawal 1448H

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk Seri LSr / Datuk LSr / Dato' LSr / Tuan LSr / Puan LSr,

MAKLUMAN TARIKH PELAKSANAAN KURSUS LEMBAGA JURUUKUR TANAH MALAYSIA BAGI TAHUN 2026 / 2027

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) akan mengendalikan Peperiksaan Bahagian I – Menghadiri kursus untuk orang berartikel yang masih dalam tempoh berartikel.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini dikemukakan jadual tarikh pelaksanaan tujuh (7) kursus yang dikendalikan oleh LJT bagi tahun 2026 hingga 2027 untuk makluman dan rujukan pihak YBhg. Datuk Seri LSr / Datuk LSr / Dato' LSr / Tuan LSr / Puan LSr seperti berikut:

Bil	Kursus	Tarikh Pelaksanaan	Bil. Hari	Kos Kursus (RM)	Fi Peperiksaan (RM)
1.	Pengukuran Geodetik	21.10.2026 – 06.11.2026	15	1500.00	400.00
2.	Pengukuran dan Pemetaan Hidrografi	16.11.2026 – 22.12.2026	25	3000.00	400.00
3.	Pengukuran dan Pemetaan Ukur Kerja-kerja Kejuruteraan	11.01.2027 – 09.02.2027	20	1500.00	400.00

4.	Pengukuran dan Pemetaan Topografi	05.04.2027 – 30.04.2027	20	1500.00	400.00
5.	Pengukuran dan Pemetaan untuk Sistem Makluman Geografi (GIS)	03.05.2027 – 14.05.2027	10	1500.00	400.00
6.	Pengukuran dan Pemetaan Hakmilik	14.06.2027 – 12.07.2027	21	1500.00	400.00
7.	Pengukuran dan Pemetaan Bawah Tanah	02.08.2027 – 03.09.2027	23	1500.00	400.00

4. Orang berartikel dikehendaki melengkapkan Jadual Kesebelas, Perakuan Perkhidmatan di Bawah Artikel yang terkini daripada Jurukur Tanah Berlesen (JTB) sekurang-kurangnya bertarikh satu (1) bulan sebelum tarikh surat ini dikeluarkan. Tawaran iklan kursus akan dikeluarkan pada **14 September 2026** dan tutup pada **21 September 2026**, jam 5.00 petang.

5. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk Seri LSr / Datuk LSr / Dato' LSr / Tuan LSr / Puan LSr, tarikh pelaksanaan kursus yang dinyatakan adalah tertakluk kepada sebarang pindaan dari semasa ke semasa sekiranya terdapat keperluan atau keadaan yang tidak dapat dielakkan. Sebarang perubahan berkaitan tarikh dan pelaksanaan kursus akan dimaklumkan oleh pihak LJT melalui saluran rasmi.

6. Pihak LJT berharap agar pemakluman ini dapat dijadikan sebagai rujukan awal oleh pihak YBhg. Datuk Seri LSr / Datuk LSr / Dato' LSr / Tuan LSr / Puan LSr dalam merancang penyertaan orang berartikel dalam serta urusan berkaitan kursus yang akan dilaksanakan.

7. Semua JTB boleh memaklumkan kepada orang berartikel masing-masing bagi penawaran kursus ini. Segala pemilihan peserta kursus akan dibuat oleh LJT dan segala keputusan adalah muktamad.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(LSr MOHD RIZA BIN HALIM)

Setiausaha Lembaga

Lembaga Jurukur Tanah Malaysia